

04 MAR 2004

Mahathir-Projek

DR MAHATHIR: SAYA TAK BERHAK PERSOAL KEPUTUSAN KERAJAAN TANGGUH PROJEK

SHAH ALAM, 4 Mac (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak berhak mempersoalkan langkah kerajaan menangguhkan buat sementara waktu beberapa projek yang dimulakan sepanjang era pentadbirannya.

"Itu hak kerajaan untuk berbuat apa sahaja, sekiranya mereka rasa mereka perlu tamatkan kontrak, mereka perlu tamatkan. Sekiranya mereka merasakan mereka perlu menilai semula atau menender semula, itu hak mereka. Saya tidak berhak untuk mempersoalkannya," katanya.

Awal tahun ini, kerajaan telah menangguhkan projek landasan berkembar elektrik bernilai RM14.5 bilion kerana ia mahu memberi keutamaan kepada projek sosio ekonomi di bawah Pelan Malaysia Kelapan.

Kepada satu soalan mengenai langkah Khazanah Nasional Bhd mengurangkan pegangannya dalam Telekom Malaysia Bhd baru-baru ini, Dr Mahathir berkata kerajaan pastinya ada alasan tersendiri untuk berbuat demikian.

Khazanah Nasional, cabang pelaburan kerajaan, telah menjual lima peratus pegangan dalam Telekom Malaysia kepada Temasek Holdings, cabang pelaburan kerajaan Singapura.

"Oleh itu, saya tidak mempersoalkannya... Saya (tidak mahu) mengeluarkan sebarang pendapat," katanya kepada pemberita selepas melawat Royal Mint of Malaysia, syarikat yang ditubuhkan oleh Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd pada 2000. Syarikat itu mengkhususkan dalam pengeluaran syiling edaran, produk numistik (duit syiling) dan medalion (hiasan berbentuk pingat).

Sebagai penghargaan di atas lawatannya, syarikat itu menghadiahkan Dr Mahathir dua syiling yang dicetak khas yang berlatarbelakangkan Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang diilhamkan olehnya.

Apabila ditanya mengenai operasi Mariwasa beliau menjawab: "Banyak kemajuan telah dicapai dan saya datang sebab berminat untuk melihat

kemajuan syarikat-syarikat seperti Mariwasa ini."

"Terdapat kemajuan yang dilihat dari masa saya buat lawatan yang pertama. Sekarang ni saya lihat mesin, kapasiti pengeluaran bertambah dan lebih sophisticated," katanya.

Dr Mahathir juga menggesa institusi kewangan di negara ini memberi keyakinan yang lebih kepada perniagaan seperti yang diusahakan Mariwasa dan "sepatutnya mereka bersedia membantu membiayai syarikat seumpama itu."

"Kadang-kadang sukar untuk mendapat dana atau meminjam wang kerana orang ramai tidak faham perniagaan seperti ini. Bagaimanapun perniagaan ini mempunyai potensi yang besar. Saya bagi tahu mereka (Mariwasa) untuk mencari jalan lain membiayai diri sendiri serta mempelbagaikan produk mereka," katanya.

Beliau menganggap pendirian bank-bank dan institusi pemberian pinjaman di negara ini sebagai "sangat berhati-hati".

The Royal Mint telah menghasilkan syiling peringatan bagi Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13, Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC), dan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA).

-- BERNAMA

MAS SHY ZK LAT